

14/04/2003

Antara bantuan RM200 juta dan minyak kuda

Raja Ahmad Zainuddin

KERAJAAN sekali lagi tampil membantu pelajar miskin luar bandar dengan menubuhkan sebuah tabung amanah dengan harapan mereka yang tercicir akan lebih cergas di bidang pelajaran dan juga kegiatan sukan.

Di bawah peruntukan RM200 juta yang diluluskan Parlimen pada hari terakhir persidangan Khamis lalu, tabung itu yang turut disokong pembangkang dijangka dapat dinikmati beribu-ribu pelajar sepanjang tahun 2003.

Begitupun, wakil-wakil rakyat yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul menubuhkan tabung amanah itu yang dibentangkan Kementerian Kewangan berharap bantuan berkenaan tidak disalahgunakan oleh mereka yang menerimanya.

Saya sendiri turut memberi pandangan agar bantuan itu diserahkan terus kepada pihak pengurusan sekolah, kecuali wang saku manakala yang lain-lainnya dibuat dalam bentuk pembelian dan tidak, wang tunai.

Justeru, diharapkan segala pemberian dan bantuan kerajaan itu tidaklah dianggap sebagai memanjakan. Sebaliknya dilihat sebagai galakan kerana kita tidak mahu ada pelajar yang berpotensi di semua bidang terkandas di peringkat awal.

Berbeza di zaman dahulu. Saya masih ingat sewaktu saya menyertai latihan dan pertandingan sukan sekolah yang saya dan rakan lain kenal cuma minyak kuda. Walaupun kepanasan setelah dilumur di kaki, tetapi itu sajalah yang boleh membantu kami. Jika berlari pun cuma berkaki ayam. Tetapi menang juga. Tidak seperti murid-murid sekarang kecil-kecil lagi sudah ada jersi, track-suit dan but.

Macam jugalah atlit sekarang, penaja berebut-rebut membuat tawaran, terutama pemain bola sepak dan hoki. Begitu juga badminton. Jika mereka menempah nama sahaja, Bagaikan tak menang tangan menerima kontrak seperti juara All England, Muhammad Hafiz Hashim.

Tetapi agak hairan selepas itu, Hafiz mudah ditewaskan di Terbuka Jepun dan Korea di peringkat awal lagi. Tidak dinafikan pemain dan atlit kita gagal mempertahankan kehebatan mereka pada ketika berada di kemuncak. Demikian menurut pandangan Dr Murshid, seorang doktor swasta yang terbabit secara sukarela dalam sebuah badan sukan di Perak.

Semangat yang tidak kental dan kurang daya saing serta disiplin adalah juga di antara faktor pemain kita mudah rebah. Tidak seperti pemain Korea di mana semangat mereka cukup tinggi dan sukar dicabar.

Mental mereka cukup kuat dan merasa malu jika mereka kalah dalam sesuatu pertandingan berbanding dengan atlit kita yang mudah berpuashati dengan satu kejayaan. Kenyataan beliau itu ternyata benar kerana pemain Korea tetap hebat dalam apa juga jenis sukan yang mereka ceburi sama ada bola sepak, hoki dan badminton. Sejak akhir-akhir ini mereka juga menunjukkan belang dalam permainan sepak takraw yang selama ini dikuasai Thailand dan Malaysia.

Memang benar semangat kita cuma berkobar-kobar ketika kita menang Piala Thomas suatu ketika, dengan gelanggang cuma dibuat daripada batang pinang dan setengahnya di atas tapak yang tidak bersimen walaupun cuma menggunakan raket jenis Gold Cup.

Sikap adalah satu lagi budaya yang perlu diubah atlit kita jika mereka ingin mengekalkan prestasi yang konsisten. Satu pelajaran yang boleh ditiru daripada orang Korea kerana mereka berlatih di mana-mana juga dan tidak terlalu mengharapkan cuma dari jurulatih.

Kita juga tertanya-tanya bagaimana atlit dari negara mundur seperti Afrika umpamanya boleh melangkah jauh dan bergelar juara di Sukan Olimpik? Sedangkan kita yang tidak kurang hebatnya dari prasarana yang disediakan oleh kerajaan, tetapi masih belum berjaya berbuat demikian.

Justeru jika jalur gemilang sudah berkibar dan lagu Negaraku sudah berkumandang di Sukan Komanwel sejauh Manchester, Sukan Asia Busan, harap-harap kali ini biarlah pula di temasya yang menjadi idaman kita semua iaitu di Athens.

Berbekalkan slogan Malaysia Boleh seperti yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semangat berani bersaing untuk menjadi juara seperti kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, insya-Allah atlit negara tidak akan menghampakan kita.